




LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA

KENYATAAN TAWARAN

1. Tawaran daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar di **Daerah Kubang Pasu** sahaja yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia [LPIPM(CIDB)] dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan akan diterima di **Pejabat Pengurus Wilayah II MADA, 06000 Jitra, Kedah Darul Aman.**

BUTIRAN SEBUTHARGA	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
<p>Meninggikan Ban Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Ban Kanan Terusan Alor Changileh Dari ICD ACRBD 1 Hingga ICD ACRBD 2, Lokaliti G-II Jitra, Wilayah II, MADA, Kedah Darul Aman . [SEBUTHARGA No. LKPM 2008/2018]</p> <p>Meninggikan Ban Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Ban Kanan ACLBD 9, Kg. Huma, Lokaliti E-II Kubang Sepat, Wilayah II, MADA, Kedah Darul Aman. [SEBUTHARGA No. LKPM 2009/2018]</p>	<p>Hari Khamis, 04 Jan. 2018 Jam 9.00 pagi</p> <p>Pendaftaran : 9.00 pagi hingga 9.30 pagi</p> <p>Berkumpul di Pejabat Pengurus Wilayah II, MADA, 06000 Jitra, Kedah Darul Aman.</p> <p>Taklimat Tapak adalah WAJIB kepada PEMILIK ASAL SIJIL PENDAFTARAN KONTRAKTOR SAHAJA (WAKIL KONTRAKTOR TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI)</p> <p>(Sila bawa bersama Salinan Sijil ASAL, Sijil Pendaftaran Kontraktor (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB), Sijil Taraf Bumiputera (PKK) semasa menghadiri Taklimat)</p>	<p>Gred G1 Kategori CE Pengkhususan CE21 & CE36</p>	<p>RM 10 (Satu Set)</p> <p>Bayaran tidak dikembalikan</p>	<p>Hari Khamis, 11 Jan. 2018 Jam 12.00 tengahari.</p>

2. Semua butiran dan Dokumen Tawaran Sebutharga boleh diperolehi di **Pejabat Pengurus Wilayah II MADA, 06000 Jitra, Kedah Darul Aman** mulai **04 Januari 2018** sehingga **10 Januari 2018** pada waktu dan hari bekerja. Bayaran untuk membeli Dokumen Tawaran hendaklah dibuat dengan cara **Wang Tunai** di Pejabat Pengurus Wilayah II MADA, Jitra. Pembayaran melalui cek tidak akan diterima.
3. Kontraktor yang ingin membeli Dokumen Tawaran dikehendaki mengemukakan **Sijil Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** serta **Sijil Taraf Bumiputera** untuk pemeriksaan dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut diserahkan kepada pihak MADA.
4. Dokumen Tawaran juga boleh dibeli oleh wakil kontraktor yang membawa **Surat Wakil Kuasa** serta dokumen-dokumen yang disebutkan dalam Perkara 3.
5. Dokumen Tawaran Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri serta ditulis nombor sebutharga dan memasukkan ke dalam Peti Sebutharga Di Pejabat Pengurus Wilayah II MADA, Jitra. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
6. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.



.....
EDDI ZAIMEE BIN ROMLI
TIMBALAN PENGURUS WILAYAH II (TEKNIKAL)
06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN.

Tarikh: 26 Disember 2017